

Disamun ketika bawa wang kutipan tol PLUS ke pejabat

Jurutol ditembak, dirompak RM2,000

Kosmo 14/6/12

Oleh SYED AHMAD ZULKARNAIN SYED ALI
zulkarnain.ali@kosmo.com.my

SEREMBAN – Dek kerana duit RM2,000, dua jurutol Projek Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) cedera ditembak sebelum disamun perompak berhampiran Plaza Tol Seremban susur keluar ke arah utara di sini kelmarin.

Semasa kejadian pukul 9.57 malam itu, mangsa Nurijah Rosli, 24, dan Mohd. Haffiz Zamri, 26, menaiki sebuah motosikal dari Plaza Tol Seremban susur masuk ke Seremban dari arah utara menuju ke pejabat syarikat itu.

Pejabat PLUS itu terletak berhampiran persimpangan susur keluar ke arah utara.

Ketua Polis Daerah Seremban, Asisten Komisioner Saiful Azly Kamaruddin berkata, semasa itu kedua-dua mangsa dalam perjalanan menghantar wang kutipan harian berjumlah RM2,000 ke pejabat PLUS itu yang terletak kira-kira 200 meter dari Plaza Tol Seremban.

Menurut beliau, ketika kedua-dua mangsa mahu membelok masuk ke kawasan pejabat PLUS, tiba-tiba muncul sebuah kereta Proton Wira memintas motosikal ditunggangi dua mangsa.

“Seorang lelaki di dalam kereta itu yang bersenjatakan *pump gun* melepaskan tiga das tembakan ke arah kedua-dua jurutol menyebabkan mereka terjatuh.

“Suspek kemudian merampas beg kecil mengandungi wang yang dipegang salah seorang mangsa,” kata beliau dengan memberitahu kereta tersebut kemudian dipandu laju ke arah Sendayan.

Kata beliau, tembakan dari ja-



ANGGOTA polis memeriksa kesan tembakan pada motosikal yang dinaiki dua jurutol yang ditembak berhampiran Plaza Tol Seremban kelmarin.



NURIJAH yang cedera di belakang badan dirawat di Hospital Tuanku Ja'afar Seremban.



MOHD. HAFFIZ yang cedera di kaki dipindahkan ke Hospital Kuala Lumpur.

rak dekat itu menyebabkan Nurijah cedera di belakang manakala Mohd. Haffiz cedera di kaki kanan.

Mangsa tidak menyedari sudah diekori oleh penjenayah itu.

Nurijah dirawat di Hospital Tuanku Ja'afar Seremban (HTJS) dekat sini manakala Mohd. Haffiz di Hospital Kuala Lumpur.

Kedua-dua mangsa dilaporkan berada dalam keadaan stabil.

Berikutan kejadian itu, Saiful memberitahu, polis memburu suspek dipercayai lebih daripada seorang yang terlibat dalam kejadian itu.

Sementara itu, suami Nurijah, Faizul Abdul Latif, 31, berkata, dia terkejut selepas dimaklumkan isterinya yang kini mengan-

dung dua bulan cedera ditembak dan terus bergegas ke hospital.

“Hati saya sayu melihat isteri mengerang kesakitan ketika mendapat rawatan tetapi bersyukur selepas dimaklumkan keadaannya dan kandungan isteri tidak terjejas,” kata Faizul ketika ditemui di HTJS di sini.

Dalam pada itu, Pengurus Besar Komunikasi Korporat PLUS,

KEJADIAN DUA JURUTOL DISAMUN DAN DITEMBAK PEROMPAK



Khalilah Mohd. Talha berkata, pihaknya mengesahkan kejadian yang berlaku.